



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/12/15_67 (HQ)

PERALIHAN TAMPUK KEPIMPINAN TNB LANCAR

Lembaga Pengarah **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** semalam mengumumkan pelantikan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang baharu adalah sejajar dengan pelantikan dalam TNB bagi memastikan proses peralihan tampuk kepimpinan berlaku dengan lancar dan sempurna.

Justeru, TNB merakamkan terima kasih kepada Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan DiPerbadankan, atas persetujuan melantik Ketua Pegawai Operasi (COO) TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan sebagai Presiden dan CEO bagi menggantikan Dato' Seri Ir. Baharin Din yang akan tamat tempoh perkhidmatannya pada 29 Februari 2024.

Semalam, TNB dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia mengumumkan pelantikan itu berkuatkuasa mulai 1 Mac 2024.

Sementara itu, TNB turut mengumumkan pelantikan Pengurus Kanan, Ali Munawar Salim sebagai Setiausaha Syarikat mulai 1 Januari 2024, bagi menggantikan Norazni Mohd Isa yang tamat perkhidmatan.

Peralihan kepimpinan dalaman yang lancar itu adalah demi kesinambungan hala tuju asprasi Reimagining (RT) yang sedang giat dilaksanakan melalui Peralihan Tenaga Bertanggungjawab dengan sasaran karbon sifar bersih menjelang 2050.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 Disember 2023, jam 7:00 pm

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my